

Sistem cukai baharu elak kerajaan hanya bergantung kepada hasil minyak, gas

GST bukan langkah luar biasa

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan jabatan-jabatan berkaitan untuk meningkatkan penguatkuasaan bagi menghentikan sebarang penyalahgunaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang menjejaskan pengguna.

Najib dalam catatan terbarunya di laman web beliau *NajibRazak.com* berkata, usaha penguatkuasaan juga termasuk memastikan sebarang kenaikan harga yang dibuat oleh pekedai dan pemilik perniagaan sejajar dengan kadar 6.0 peratus GST.

"Saya telah dimaklumkan bahawa beberapa peniaga yang

tidak bertanggungjawab, besar dan kecil, cuba mengambil kesempatan daripada pengenalan GST dengan menaikkan harga di atas paras kadar 6 peratus.

"Tindakan ini langsung tidak boleh diterima," kata beliau.

Menjawab kritikan terhadap GST, Najib berkata: "Saya faham ada yang meluahkan kebimbangan dengan pengenalan GST.

"Bagaimanapun, sebagai Perdana Menteri, menjadi tanggungjawab saya untuk membuat keputusan yang betul bagi semua rakyat Malaysia, walaupun ia kelihatan sukar pada masa itu.

"Pada masa itu, hanya 1 dalam 10 rakyat Malaysia membayar



NAJIB

Perdana Menteri turut perjas tuduhan Altantuya, 1MDB menerusi blog *NajibRazak.com*

Najib jawab 13 isu kontroversi

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam menepati dan menjawab 13 tuduhan serta isu yang ditimbulkan oleh Altantuya di blog *NajibRazak.com*.

Dalam isu Malaysia Development Berhad (MDEB) pada isu yang ditimbulkan oleh Altantuya, Najib berkata, "Tiada perlawanan sama ada kita menepati keberanian yang diperlukan untuk menentang Singapura, Jambatan, di tidak akan kerana Malaysia adalah untuk memulau secara

KERATAN Kosmo! 18 Mei 2015.

cukai pendapatan peribadi dan penting bagi kita untuk meluaskan asas cukai demi kebaikan ekonomi bagi tempoh jangka panjang," jelas beliau.

Najib berkata, 23 peratus daripada hasil kerajaan ketika ini disumbangkan oleh sektor minyak dan gas.

"Seperti yang kita lihat daripada kejatuhan menjunam harga minyak global, Malaysia tidak dapat mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan negara berdasarkan kepada arus pendapatan ini sahaja.

"Inilah sebabnya mengapa kita mengumumkan pembaharuan sistem cukai dengan GST menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan," katanya.

Najib menjelaskan lebih lanjut, pengenalan GST akan membantu Malaysia membina sebuah ekonomi yang kukuh, lebih mapan dan telus.

"Ia akan membantu mengurangkan defisit kita, membantu kita melabur dalam masa depan kita dan membantu menggerakkan pembangunan nasional kita," kata beliau.

"Malangnya, daripada berusaha memahami rasional ekonomi dan manfaat jangka panjang yang boleh dibawakan kepada rakyat, sesetengah ahli politik menyerang pengenalan GST, menyifatkannya sebagai satu langkah yang luar biasa dan tidak perlu bagi sesebuah negara yang kecil seperti Malaysia," katanya.

GST bukan satu fenomena baharu kerana lebih 160 negara telah melaksanakannya dan Malaysia merupakan negara ASEAN kelapan memperkenalkan cukai tersebut.

Tambahan lagi, kata beliau, kadar 6 peratus cukai tersebut merupakan kadar yang paling rendah di dunia berbanding Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos dan Indonesia yang semuanya mengenakan kadar GST 10 peratus. - Bernama